

**BAB 6**

**KESIMPULAN**

**DAN**

**PENUTUP**

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Tanah merupakan satu sumber penting bagi manusia. Ahli ekonomi misalnya bila bercakap mengenai asas pengeluaran yang penting akan menyebut tanah sebagai salah satu sumber selain daripada modal dan buruh. Tanah juga merupakan asas yang penting di dalam arus pembangunan dan kemajuan. Bagi negara Malaysia yang terkenal dengan pertanian, amat bergantung kepada penggunaan tanah. Walaupun kini negara sedang menuju kepada negara perindustrian namun keperihatinan kepada tanah pertanian tidak boleh diabaikan.

Kepentingan tanah kepada manusia telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian tentang tanah juga. Tetapi tumpuan pengkaji hanyalah kepada konsep tanah pusaka yang diwarisi oleh orang Melayu. Kajian dijalankan ke atas sebuah perkampungan orang Melayu yang terletak berhampiran dengan bandar. Bila bercakap mengenai tanah pusaka, jelas tergambar pendapat yang mengatakan bahawa pembahagian tanah masyarakat Melayu adalah berdasarkan pembahagian mengikut adat dan ada pendapat yang mengatakan bahawa ianya mengikut faraid.

Hasil yang diperolehi di dalam kajian ini ialah pembahagian tanah pusaka boleh dilakukan melalui tiga cara iaitu faraid, pembahagian sama rata dan hebah. Bagi masyarakat kampung ini, corak pembahagian yang lebih dominan yang digunakan ialah pembahagian mengikut faraid di mana 83 % daripada pembahagian pertama yang dijalankan mengikut cara ini. Ini bermakna pembahagian tanah yang dilakukan adalah berdasarkan 2 : 1 di

antara anak lelaki dan anak perempuan yang merupakan pewaris utama.

Di dalam pembahagian pertama mengikut faraid, anak lelaki seramai 51 orang mendapat keluasan sebanyak 76.2 relong, manakala anak perempuan seramai 58 orang hanya mendapat 53.6 relong. Lain-lain ahli keluarga walaupun jumlahnya agak ramai iaitu 33 orang tetapi keluasan yang diperolehi ialah 7.7 relong dan golongan isteri pula sejumlah 6 orang mendapat keluasan 3.4 relong. Apa yang cuba ditonjolkan ialah pembahagian yang dijalankan telah membenarkan anak lelaki menguasai bidang tanah yang lebih luas daripada anak perempuan.

Cara kedua yang digunakan ialah dengan membahagikan tanah secara sama rata antara anak lelaki dan anak perempuan. Sebanyak 11.4 % pembahagian telah dijalankan mengikut kaedah ini. Pembahagian secara hebah pula pada peringkat pembahagian pertama hanya merangkumi 2.9 % sahaja. Kaedah pembahagian hebah ini meningkat pada pembahagian kedua. Sebanyak 14 pemilik telah melakukan hebah ke atas tanah mereka tetapi keluasan tanah hebah adalah lebih kecil daripada keluasan tanah yang dibahagikan dan bilangan orang yang menerimanya juga tidak ramai. Selain itu, pembahagian menurut hebah juga boleh mengikut kehendak pembahagian pemilik sendiri iaitu anak lelaki dan perempuan boleh mendapat bahagian yang sama. Menurut pendapat Wilson pula, anak perempuan boleh mendapat bahagian yang lebih dari anak lelaki melalui hebah ini. Hebah merupakan satu cara tukar milik harta tanah yang berlaku di kalangan penduduk. Fujimoto melihat hebah dan pusaka sebagai pemberian percuma dari generasi tua kepada

generasi muda.

Tanah pusaka juga boleh bertukar milik melalui penjualan yang berlaku. Selepas pembahagian dijalankan ada waris-waris yang menjualnya kepada sesama waris yang menerima bahagian atau ada juga yang menjual kepada saudara mara yang lain. Apa yang ketara di dalam kajian ini ialah tidak ada penjualan yang berlaku kepada orang luar dari ikatan kekejuargaan.

Walau apapun corak pembahagian yang digunakan, kesannya sama sahaja, iaitu tanah bertukar milik dan perpecahan tanah berlaku. Waris-waris yang menerima bahagian akan menentukan corak penggunaan seterusnya tetapi tidak semua waris yang menerima bahagian menuntut hak masing-masing. Bagi waris yang tidak menetap di kampung, bahagian mereka digabungkan dengan bahagian yang diusahakan oleh saudara lain. Terpulanglah kepada individu yang mengerjakan tanah untuk membayar hasil kepada pemilik kerana ada di antara waris yang tidak menuntut hasil yang diperolehi.

Sebahagian yang lain menuntut untuk mengerjakan tanah masing-masing terutama selepas pembahagian pertama berlaku. Ini menyebabkan tanah yang diusahakan dilihat sebagai tidak ekonomik. Bagi Rahimah Abd. Aziz keluasan tanah yang tidak ekonomik ialah di bawah lima relong. Di dalam kajian ini, selepas pembahagian tanah pusaka berlaku, keluasan tanah yang tertinggi ialah enam relong di mana hanya seorang sahaja waris yang memiliki keluasan ini daripada jumlah keseluruhan 168 orang. 167 waris lagi memiliki keluasan di bawah lima relong. Paling ramai memiliki keluasan antara 0.1 hingga 1.0 relong iaitu seramai 108 orang.

Daripada data yang diperolehi, jelas menunjukkan pembahagian

tanah yang berlaku mengecilkan tanah penduduk. Ramai sarjana lain melihat keluasan tanah yang kecil ini sebagai punca kemiskinan orang Melayu. Kajian Ozay Mehmet mendapati bahawa golongan miskin yang kedua besarnya di Malaysia ialah pesawah padi. Teknologi Hijau yang diperkenalkan bersama pelaburan infrastruktur, rancangan subsidi dan perkhidmatan lain didapati gagal mengubah keadaan ini. Walaupun dasar ini bertujuan untuk memaksimumkan pengeluaran padi dan hasil pengeluaran setiap unit tanah tetapi masih tidak dapat mengatasi masalah kemiskinan.

Ini adalah kerana usaha memodenkan penanaman padi dilakukan tanpa mengubah struktur pemilikan tanah yang sedia ada. Oleh itu kelaparan tanah terus meningkat di kalangan petani. Dalam melihat masalah ini, wujud beberapa persoalan yang perlukan difikirkan. Adakah sistem faraid yang menjadi punca wujudnya masalah kelaparan dan pengecilan tanah di kalangan petani? Atau sikap orang Melayu sendiri yang beranggapan bahawa pembahagian tanah pusaka itu bererti setiap waris perlu menuntut hak masing-masing. Sekiranya orang Melayu terus berfikiran sedemikian maka setiap pembahagian yang berlaku akan terus mengecilkan tanah setiap umatnya sedangkan dasar-dasar Islam tidak bertujuan untuk menyusahkan umatnya.

Dilihat kepada Islam itu sendiri membenarkan umatnya berusaha mencari harta sebanyak mungkin. Harta pula boleh diperolehi melalui ikhtiar, dengan usaha berdasarkan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan tenaga. Undang-undang ekonomi dan sosial Islam menjamin taraf hidup golongan yang tidak berada. Melalui sistem pusaka dapat dilihat bahawa dasar Islam

mengagihkan semula kekayaan. Islam tidak membenarkan harta kekayaan bertumpu dalam tangan golongan atau individu tertentu sahaja. Pengagihan begini berlaku dengan cara yang tenang dan tanpa kekerasan. Sistem ini juga bertujuan untuk mencegah pemusatkan harta supaya bukan seorang sahaja yang memonopoli harta kekayaan. Menurut Ramli Zakaria, Islam telah mengatur milik individu secara terperinci dalam usaha memusnahkan dua perkara yang sangat merbahaya iaitu kederhakaan harta dan terlalu menekuninya pada jiwa pemilik dan kemelaratan dan pengaruh yang sanggup menghancurkan sesama manusia. Sebagai seorang yang beragama Islam, pengkaji merasakan bahawa pengagihan yang telah ditetapkan oleh Islam adalah adil dan jelas pembahagiannya.

Apa yang kurang ialah kebijaksanaan orang Melayu dalam mengurus tanah pusaka tersebut. Dalam kajian ini, didapati bahawa selepas pembahagian pertama, sebahagian besar waris telah mengambil bahagian masing-masing. Ini adalah kerana mereka bergantung kepada tanah sebagai sumber ekonomi atau merupakan warisan pekerjaan. Tidak ramai penduduk di peringkat ini dapat melarikan diri dari sistem pekerjaan yang diwarisi kerana tingkat pelajaran yang rendah yang menghalang mereka daripada menjawat jawatan dengan kerajaan atau swasta dan kekurangan modal serta pengetahuan untuk memulakan perniagaan. Oleh itu mereka hanya tahu mengerjakan tanah pertanian yang mereka perolehi daripada ibu bapa.

Apa yang cuba ditonjolkan ialah sikap orang Melayu dan pandangan mereka tentang pembahagian. Pembahagian tanah akan terus berlaku apabila seorang pemilik itu meninggal dunia sama ada mengikut undang-undang Islam atau adat. Pengkaji merasakan

ketika pemecahan tanah di kalangan penduduk khasnya dan orang Melayu amnya dapat dielakkan sekiranya waris yang terlibat bekerjasama menguruskan tanah yang dipusakai misalnya waris-waris bersepakat menyerahkan pengurusan tanah kepada seorang waris untuk mengerjakannya dan hasil yang diperolehi dibahagikan. Jika waris lain perlu mencari alternatif baru sebagai sumber ekonomi supaya mereka tidak hanya bergantung kepada tanah yang mereka warisi. Tetapi sikap kebergantungan kepada tanah pusaka tidak boleh dihapuskan sekiranya penduduk tempatan tidak mempunyai pilihan lain di dalam bidang ekonomi. Misalnya, mereka kurangan modal untuk memulakan perniagaan atau membeli bidang tanah yang baru. Sikap bergantung kepada tanah pusaka yang menyebabkan tanah tersebut dipecah-pecahkan kepada warisnya.

Perpecahan tanah juga berlaku disebabkan sikap individualistik waris, misalnya mereka yang telah menerima tanah warisan tetapi tidak mengusahakannya, cenderung untuk menjual kepada saudara lain. Sehingga kajian ini dijalankan, penjualan tanah pusaka yang berlaku adalah sebanyak 8.3 %. Dari segi peratusan, angka ini agak kecil tetapi mungkin bertambah sekiranya keluasan tanah yang diperolehi semakin kecil. Tambahan yang dilakukan jelas sekali mengecilkan tanah yang dimiliki. Oleh itu, ada yang berpendapat sikap kebendaan orang Melayu dan ingin hidup mewah menjadi penyebab tanah bertukar tangan. Golongan seperti ini akan lebih mementingkan kesenangan peribadi daripada kepentingan bangsa.

Masalah orang Melayu dengan tanah sudah dianggap serius. Masalah ini sudah diperkatakan. Misalnya dalam sejak 1960an lagi masalah ini sudah diperkatakan.

tahun 1960, E.F Fisk seorang ahli ekonomi dalam penyelidikannya di Batang Kali, Selangor mendapat 1,600 ekar tanah orang Melayu telah disewakan. Tanda-tanda ada menunjukkan tanah sewa itu akan tergadai akhirnya kerana 'permainan sulap' di belakang perjanjian itu. A.F. Yassin memetik pandangan Tuan Mansoor Barakbah, Timbalan Pengarah Tanah Kedah bahawa tidak semua 80 % tanah orang Melayu di Kedah menjadi hak milik orang melayu, maksudnya nama yang tertulis di atas kertas adalah Melayu tetapi pada hakikatnya tidak. Pengkaji merasakan kemungkinan tanah pusaka ini terjual kepada orang asing adalah tidak mustahil. Tambahan puja kawasan kajian merupakan kawasan yang sedang pesat membangun.

Kedudukan tanah pusaka perlu diberi perhatian yang serius. Ia melibatkan ekonomi orang Melayu di masa hadapan. Pada masa sekarang pihak kerajaan telah berusaha membantu khususnya petani dengan menyediakan pelbagai infrastruktur dan subsidi tetapi kesemua langkah ini digubal dan dilaksanakan dalam struktur sosio ekonomi yang sama iaitu dalam konteks sistem pemilikan tanah yang sedia ada. Iri-mengerminkan anggapan kerajaan bahawa perubahan ekonomi yang pesat adalah sesuai dengan struktur yang sedia ada. Pada pandangan Ozay Mehmet pemilikan tanah sekarang adalah tidak adil dan dasar yang dilaksanakan sebenarnya memburukkan lagi ketidaksamaan yang wujud. Apabila terdapat pola pemilikan harta produktif yang tidak adil, dasar mengekalkan sistem pemilikan itu akan mengakibatkan ketidaksamaan pendapatan.

Pihak kerajaan perlu tegas dalam melaksanakan perancangannya sekarang dalam pemberian subsidi misalnya, golongan yang luas tanah akan memperolehi lebih keuntungan

daripada golongan yang mempunyai keluasan tanah yang kecil. Satu kajian semula tentang pola pemilikan tanah di kalangan orang Melayu khususnya yang melibatkan tanah pusaka perlu dikaji. Dalam artikel, 'Tanah dan Kuasa Politik' tulisan Adam A. Kadir, ada memetik pandangan bekas Perdana Menteri bahawa Tunku Abdul Rahman pernah melahirkan rasa kesalnya kerana ketika dalam proses penggubalan perlembagaan negara dalam menghadapi kemerdekaan, beliau sepatutnya secara tegas memasukkan kuasa terhadap tanah dimasukkan dalam tangan kerajaan pusat. Oleh itu sekarang pihak kerajaan perlu tegas dalam persoalan pembahagian dan menetapkan keluasan yang paling minimum bagi setiap individu.

Dalam Berita Harian pada 29 Mac 1983 melaporkan kenyataan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah ketika itu Datuk Rais Yatim, pernah menyatakan bahawa kira-kira 800,000 hektar Tanah Simpanan Melayu hilang dan terlepas daripada tangan orang Melayu kerana digunakan untuk projek pembangunan negara. Menurut beliau pihak kerajaan perlu meniru undang-undang tanah dari negara lain terutama undang-undang yang boleh menguntungkan. Para politik Melayu pula mesti dikaitkan dengan tanah. Jika sekiranya pemimpin politik Melayu lupa tanggungjawab terhadap perhubungan Melayu dengan tanah akhirnya Melayu tidak mempunyai tanah di negara sendiri.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah dari aspek perundangan yang melibatkan tanah pusaka. Sehingga hari ini, pembahagian harta pusaka bagi orang Melayu melibatkan undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Pihak Pejabat Harta Pusaka Kecil terpaksa menghantar seorang permohonan pembahagian

tanah kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk difail dan disemak. Selepas jawapan diterima dari Mahkamah Tinggi barulah pemerosesan selanjutnya di Mahkamah Syariah. Sesuatu permohonan itu mengambil masa yang lama. Pada pandangan pengkaji, kini sudah sampai masanya pentadbiran sebarang harta pusaka yang melibatkan orang-orang Islam ditadbirkan di bawah satu undang-undang sahaja iaitu undang-undang syariah. Ini akan mempercepat dan memudahkan pengurusan.

Orang Melayu memerlukan satu undang-undang baru yang kukuh untuk menjamin kedudukan mereka. Apa yang dimaksudkan ialah satu penggubalan dasar yang baru mengenai hak dan pemilikan tanah Melayu khususnya yang melibatkan tanah pusaka. Jika tidak masalah pemecahan pembahagian akan terus berlaku kerana tidak ada satu undang-undang yang melarang pemecahan pembahagian tersebut. Ini menyebabkan penjualan tanah boleh berlaku walaupun di bawah satu relong.

Tanah bukan sebarang benda. Ia juga bukan sekadar sejenis harta. Tanah adalah tempat tumpah darah dan ke tanah nanti kita akan kembali. Tanahlah yang menentukan ada tidaknya sesuatu bangsa. Tiada tanah tiadalah ungkapan tanah air. Memanglah mustahil tidak akan ada sama sekali tanah di negara ini yang akan dimiliki oleh orang Melayu. Tetapi apa yang ditakuti ialah kehilangan tanah pusaka yang berlaku terus bertambah dari setahun ke setahun, apabila tanah dan sawah kampung di pinggir kota dan kampung Melayu satu demi satu beransur hilang bersama tuannya. Kesan pembahagian tanah pusaka kepada ekonomi amat mendalam sekiranya tidak dibendung corak pembahagiannya. Bukan salah hukum faraid yang menetapkan pembahagian tetapi kelemahan manusia

sendiri dalam mengolah dan menguruskan pentadbiran tanah.

Kajian tanah pusaka yang dijalankan ini merupakan satu kajian yang kecil. Diharap pada masa-masa yang akan datang dapat dijalankan satu kajian yang lebih mendalam mengenai tanah pusaka dan kedudukannya dalam bidang ekonomi negara. Dengan itu mungkin akan terjawab kemusykilan orang-orang Melayu dan kelaparan tanah yang berlaku. Semua ini memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk perundangan, kajian dasar oleh pihak kerajaan dan yang lebih penting kesedaran orang Melayu sendiri tentang nasib mereka di masa hadapan.